



## **Renungan Pagi dan Perkongsian Ilmu: “Kenangan Mengusik Jiwa.”**

Tarikh : 20 Oktober 2021

Pengacara Majlis : Encik Muhammad Ridzuan bin Norazlan

Bacaan Doa : Encik Nor Hafiz bin Sapari

Objektif program ini ialah untuk melancarkan penyampaian maklumat dan ilmu yang berbentuk perkongsian pengalaman dan memotivasikan staf. Pada sesi Renungan Pagi ini Encik Mohd Fauzi bin Abdul Rais, pegawai dari Unit Kebudayaan telah menyampaikan perkongsian ilmu bertajuk “Kenangan Mengusik Jiwa.”

Ringkasannya adalah berkaitan perjalanan karier Tokoh Seniman Agong Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dan pasukan kerjanya dalam menghasilkan seni lakonan yang mantap dan mendapat tempat di hati peminat. Studio Jalan Ampas suatu ketika dahulu ialah sebuah perkampungan artis. Mereka sangat akrab bukan sahaja semasa kerja tetapi juga di luar layar filem sehinggakan menjadi orang hebat pada kehidupan realiti.

Kehebatan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee sebagai pelakon, pengarah filem, penyanyi, penulis lirik, pelawak selama 24 tahun dalam karier seni adalah disebabkan oleh rakan yang menyokongnya sehinggakan dapat menghasilkan 35 buah filem dan 250 buah lagu.

Rakan yang banyak memberi sokongan pada karya Allahyarham Tan Sri P. Ramlee ialah Syed Sudarmaji bin Syed Abdullah. S. Sudarmaji juga seorang pengarah filem, penulis skrip, penggubah lagu, penulis lirik dan pelakon. Antara filem-filem yang meletup ialah filem Ibu Mertuaku. Lagu Dendang Perantau yang dinyanyikan oleh Allahyarham Tan Sri P. Ramlee adalah hasil ciptaan lirik beliau. Bukan sahaja S. Sudarmaji malahan anak beliau, Sri Rahayu juga turut memberikan sokongan iaitu dengan berlakon dalam filem Bujang Lapok. Ramai rakan-rakan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee yang telah menyumbang idea dan menjadikan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee insan hebat sehingga ke hari ini.

Kehebatan beliau boleh dicontohi dalam budaya kerja di UTM terutamanya pada nilai teras Sinergi iaitu kesepaduan dalam semangat berkerjasama yang boleh menghasilkan kecemerlangan dalam sesuatu gerak kerja. Contohnya semangat tolong-menolong staf Jabatan TNC (HEP) dalam melancarkan anjuran Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu yang bakal dianjurkan sekitar bulan November ini.

Falsafah seni budaya dalam kehidupan Alam: Berkembang Jadikan Guru adalah falsafah orang Minang yang telah diterima pakai oleh masyarakat Nusantara. Setiap gerakan dalam seni dan pakaian mempunyai maksud dalam kehidupan yang perlu dipelajari sesuai dengan arus perkembangan dan boleh dijadikan panduan pada masa hadapan.

Program ini diakhiri dengan bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.

